

25 APR 2002

China-Lawat/I

NAIB PRESIDEN CHINA BERLEPAS KE PULAU PINANG

SEPANG, 25 April (Bernama) -- Naib Presiden China Hu Jintao berlepas ke Pulau Pinang hari ini untuk meneruskan lawatan rasmi empat harinya ke Malaysia.

Hu, yang diiringi isterinya Liu Yongqing, dan delegasi 65 anggota berlepas dengan menaiki pesawat khas Air China B747-400 pada 10.05 pagi.

Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Kerk Choo Ting selaku menteri pengiring mengucapkan selamat jalan kepada delegasi China itu di Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA).

Hu, yang tiba di sini pada Selasa telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bagi tujuan meningkatkan hubungan dua hala antara Kuala Lumpur dan Beijing.

Hu, 58, yang dijangka akan menggantikan Presiden China Jiang Ze Min tahun depan, membincangkan pelbagai topik termasuk perdagangan, pendidikan, pengangkutan udara, pertikaian tuntutan Kepulauan Sparty di Laut China Selatan dan isu-isu antarabangsa.

Delegasi itu akan berada di Pulau Pinang selama sehari sebelum meneruskan lawatan mereka ke Singapura dan Amerika Syarikat.

Di Pulau Pinang, Hu dijadual akan mengadakan pertemuan dengan Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas dan melawat rumah Dr Sun Yat Sen, yang dianggap sebagai bapa pemodenan China.

Beliau juga dijadual melawat Khoo Kongsio dan Empangan Teluk Bahang.

-- BERNAMA

DC MFJ RHM